

Idea kreatif pelajar UniSZA cipta 'E-Motion' pikat juri

Kuala Lumpur: Idea kreatif pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, (UniSZA) Muhammad Syafiq Mokhtar Baharudin, 21, berjaya memikat hati juri sekali gus menjuarai Anugerah Rekaan Produk Promosi (PPD) kategori pelajar universiti.

Produk empat dalam satu yang dinamakan E-Motion itu mempunyai empat fungsi yang dipanggil 'e-motion speaker', 'e-motion radio', 'e-motion lamp' dan 'e-motion clock'.

"Saya mendapat ilham untuk mencipta produk itu ketika belajar kerana saya memerlukan empat perkara berkenaan sekali gus untuk membangkitkan suasana belajar yang berkesan.

Harap dapat dikomersialkan

"Ia berfungsi menggunakan kuasa bateri dan selamat digunakan serta mudah di bawa ke mana-mana. Justeru saya berharap usaha saya ini dapat dikomersialkan dan membantu pelajar lain yang memerlukannya," katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian Ekspo Pesta Hadiah, Premium dan Alat Tulis (KLIGP) 2013, di sini, semalam.

PPD diperkenalkan sempena KLIGP 2013 memberi peluang kepada pereka tempatan untuk mengetengahkan kreativiti dan idea mereka.

Anugerah yang kali pertama diperkenalkan itu mempertandingkan dua kategori iaitu kategori profesional dan pelajar universiti.



Muhammad Shafiq (kiri) dan Mohd Nizam menunjukkan hadiah yang dimenangi, semalam.

Ia bertujuan membentuk budaya inovasi dalam kalangan pereka tempatan selain menggalakkan lebih ramai bakat tempatan mencuburi bidang reka bentuk produk.

Produk pokok pen

Johan bagi kategori profesional, Mohd Nizam Najmuddin, 40, tidak menyangka produknya, Pen Tree mampu menjuarai kategori berkenaan kerana terlalu banyak pesaing.


"Mungkin kekuatan produk saya terletak kepada keunikannya kerana dalam satu pokok pen itu terdapat lebih 10 pen yang sesuai digunakan ramai orang dalam sa-

tu-satu masa.

"Saya mendapat ilham untuk mereka produk berkenaan apabila melihat banyak syarikat atau agensi memberi pen ketika seminar tetapi selepas digunakan pen itu dibuang begitu saja.

"Jadi produk ini bukan saja menjimatkan malah mesra pengguna. Hadiah wang tunai RM10,000 akan saya gunakan sebaik mungkin untuk menyumbang kembali kepada keluarga," katanya kepada BH.

Kedua-dua peserta berkenaan masing-masing menerima wang tunai RM5,000 dan RM10,000, sijil dan trofi.



14/06/2013
WAT

"Saya mendapat ilham mencipta produk itu ketika belajar kerana saya memerlukan empat perkara berkenaan, sekali gus membangkitkan suasana belajar berkesan"

Muhammad Syafiq Mokhtar Baharudin
pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu

